

COVID-19 DISASTER MANAGEMENT ACCORDING TO THE QUR'AN AND MODERN SCIENCE PERSPECTIVE

PENGURUSAN BENCANA COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN SAINS MODEN

Muhammad Syukri Zahari, Daud Mohamed Salleh & Noor Azmi

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Abstract

The occurrence of Covid-19 is capable of inviting huge negative implications for nature as well as life on earth. Therefore, a detailed study is needed to ensure that the catastrophe can be dealt with through efficient and safe management. Covid-19 Disaster Management According to the Perspective of the Quran and Modern Science is a study that focuses on the management method of Covid-19 that touches on the management of virus transmission, during the occurrence of virus transmission and post-virus disaster. Discussion issues also include viral terms found in the Qur'an and viral terms according to modern science. The discussion also covers the causal factors of viral transmission occurring based on the views of Islam and modern science. Furthermore, this study also presents recommendations to certain parties to deal with the virus according to the views of Islam and modern science. This study is a library study that applies qualitative methods along with resources relevant to the title of the writing to ensure optimal findings. The results of this study found that there are various measures to manage the transmission of this virus that can be applied either before the virus is contagious, during transmission or post-transmission that includes the views of Islam and modern science. Therefore, it is hoped that this study can help various levels of society, especially Malaysians in understanding and taking safety measures if this virus strikes them.

Keywords: Covid-19, Quran and Science, Disaster Management

Abstrak

Kejadian Covid-19 mampu mengundang implikasi negatif yang besar terhadap alam dan juga hidupan di muka bumi. Justeru, kajian secara terperinci adalah diperlukan bagi memastikan kejadian malapetaka tersebut dapat dihadapi dengan menerusi pengurusan yang efisien dan selamat. Pengurusan Bencana Covid-19 Menurut Perspektif Al-Quran dan Sains Moden merupakan kajian yang memfokuskan cara pengurusan Covid -19 yang menyentuh perihal pengurusan penularan virus, semasa kejadian penularan virus dan pascabencana virus. Isu perbincangan turut meliputi istilah-istilah virus yang terdapat di dalam al-Quran dan istilah virus menurut bidang sains moden.

Penulis Utama:

Muhammad Syukri Zahari

Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia

E-mel:

syukzahari73@gmail.com

Perbincangan juga merangkumi faktor penyebab penularan virus berlaku berdasarkan pandangan Islam dan sains moden. Selanjutnya kajian ini turut menampilkan saranan-saranan kepada pihak-pihak tertentu bagi menghadapi virus menurut pandangan Islam dan sains moden. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian perpustakaan yang mengaplikasikan kaedah kualitatif berserta sumber-sumber yang relevan dengan tajuk penulisan bagi memastikan hasil dapatan yang optimum. Hasil kajian ini mendapati terdapat pelbagai langkah pengurusan penularan virus ini yang dapat diaplikasikan sama ada sebelum virus menular, semasa penularan atau pascapenularan yang merangkumi pandangan Islam dan sains moden. Justeru, diharap agar kajian ini dapat membantu pelbagai lapisan masyarakat khususnya rakyat Malaysia dalam memahami dan mengambil langkah-langkah keselamatan sekiranya virus ini menimpa mereka

Kata kunci: Covid-19, Al-Quran dan Sains, Pengurusan Bencana

Pengenalan

Penularan wabak Covid-19 semenjak mula dikenal pasti pada penghujung tahun 2019 telah mengubah landskap kehidupan masyarakat seluruh dunia. Penularan ini merupakan satu bencana sebagaimana yang didefinisikan oleh Arahan Nombor 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) – Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan Semula), para 6 (k) iaitu: Kejadian penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal/pandemik; (MKN, 2012: 3-4)

Secara ringkasnya, Noor Azmi et al. (2017) menyatakan antara bencana-bencana yang kerap berlaku di Malaysia menurut rujukan MKN (2012) adalah banjir, gempa bumi, tanah runtuh, kemarau, kebakaran hutan, ribut petir, ribut tropika, tsunami dan wabak penyakit. Sehubungan itu, Covid-19 yang diisytiharkan sebagai pandemik merupakan satu bencana yang sangat kompleks. Dengan teknologi serta bukti-bukti statistik harian, ramalan tentang impak dan lokasi terkesan mampu menggerakkan agensi-agensi berkaitan untuk membuat mitigasi dan persiapan bagi mengurangkan impak yang lebih teruk. Bencana seperti biologi, kimia, radiasi dan sebagainya merupakan bencana yang tidak lazim dalam kalangan penduduk negara ini berbanding bencana alam. Ini menjadikan rakyat Malaysia agak kurang peka dan bertanggungjawab terutamanya semasa peringkat awal penularan wabak ini. Oleh itu, amat penting sekiranya aspek ini ditekankan dalam situasi di mana segenap lapisan individu rakyat Malaysia yang sedang menjalani proses transformasi ke arah kenormalan baharu dalam kehidupan. Dengan persediaan sebegini, sekurang-kurangnya kita berupaya memberi kesedaran dan mendidik masyarakat sebelum berlakunya bencana bagi peredaan/pencegahan (*mitigation*) serta membuat persiapan (*preparedness*) sewajarnya. Ini bagi memudahkan fasa seterusnya dalam menghadapi bencana, iaitu fasa bertindak (*response*) dan pemulihan (*recovery*). Kesemua fasa yang disebutkan merupakan entiti yang berlainan tetapi saling berkait dan mempunyai darjah-darjah kepentingan tertentu mengikut situasi.

Permasalahan Kajian

Wabak Covid-19 mula dikesan di China pada 31 Disember 2019 dan dikenali dengan nama 2019-nCov dan Tedros Adhanom Ghebreyesus, ketua Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau World Health Organization (WHO) telah mengumumkan virus ini sebagai COVID-19 sebagai singkatan Co untuk *Corona*, Vi untuk virus dan D untuk *disease* (penyakit) pada 11 Februari 2020 (Berita Harian, 12 Februari 2020). Selaras dengan peningkatan jumlah jangkitan di seluruh dunia, wabak ini telah diisytiharkan sebagai pandemik. Kerajaan Malaysia telah

mengambil langkah bijak bagi mengekang penularan pandemik ini dengan mengisytiharkan “Perintah Kawalan Pergerakan” atau ringkasnya PKP bermula 18 Mac 2020-31 Mac 2020 bagi Fasa Pertama, 1 April 2020-14 April 2020 bagi Fasa Kedua, dan seterusnya mulai 15 April 2020-28 April 2020 bagi Fasa Ketiga (Laman Sesawang Majlis Keselamatan Negara, 21 April 2020). Sehingga hari ini, kemungkinan untuk menyambung tempoh masa PKP masih ada. Perintah yang terpakai di seluruh Malaysia ini disandarkan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Kandungan perintah ini meliputi:

- Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya;
- Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara;
- Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara
- Penutupan semua Taska, Sekolah Kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti;
- Penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara; dan
- Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (essential services)

Penguatkuasaan PKP ini telah mencetuskan satu fenomena baru dalam kalangan rakyat negara ini. Aktiviti-aktiviti harian yang dilakukan telah berubah daripada kelazimannya dan telah mewujudkan satu kebiasaan baharu atau “the new normal” dalam kalangan individu dan masyarakat (Ucapan YAB Perdana Menteri, 10 April 2020). Penurunan kadar jangkitan baharu dan peningkatan jumlah kes sembuh/discaj dari hospital di seluruh negara sejak kebelakangan ini memungkinan kepada penamatan PKP. Walau bagaimanapun, penamatan PKP bukanlah bermaksud bahawa penularan wabak ini dikekang sepenuhnya. Ianya hanyalah permulaan kepada fasa baru dan masyarakat perlu membiasakan diri dengan kebiasaan baharu ini. Ini bermaksud, setiap individu masih perlu berhati-hati dalam memastikan wabak ini tidak lagi menular sehingga pandemik Covid-19 dipulihkan sepenuhnya. Sepertimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, setiap aktiviti yang diamalkan selepas tamat PKP perlu dilaksanakan dengan kelaziman yang berbeza sehingga tahun depan berikutan belum ada vaksin boleh melindungi diri daripada jangkitan COVID-19 (Rafidah & Zanariah, 2020). Beliau turut menegaskan bahawa Kementerian Kesihatan (KKM) menggariskan enam kriteria perlu dilihat sebelum menamatkan pelaksanaan PKP ini, iaitu kawalan keselamatan sempadan, kawalan pergerakan, kemampuan sistem kesihatan, kemampuan melindungi golongan berisiko tinggi, mengamalkan norma baharu dan kemampuan melaksanakan langkah pencegahan dalam komuniti (Berita RTM, 21 April 2020).

Laporan akhbar Berita Harian bertarikh 15 Februari 2020, iaitu selepas tamat PKP Fasa 2 menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan iaitu 7,668 tangkapan pada Fasa 2 berbanding Fasa 1 yang merekodkan 3,627 tangkapan. Trend ini menunjukkan seolah-olah ramai yang masih bersikap sambil lewa dengan ancaman virus ini selain ketidakpatuhan kepada undang-undang negara (Safeek Affendy, 2020). Persoalan yang wujud sekiranya berlaku penamatan PKP dalam tempoh terdekat:

- Adakah tempoh PKP (3 Fasa sehingga kini) mampu mendidik masyarakat dalam mitigasi/pencegahan wabak.
- Apakah persiapan individu, komuniti dan negara dari aspek kesedaran terhadap pencegahan penularan wabak.
- Apakah elemen-elemen penting yang perlu ditekankan kepada individu dan masyarakat bagi tujuan mitigasi/pencegahan dan persiapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagaimanapun, rakyat Malaysia perlu memberikan tindak balas yang lebih baik dalam membendung penularan wabak ini kerana ia menjadi prasyarat untuk kita berjaya mengatasi ujian COVID-19 ini. Bagi memenuhi matlamat kajian ini, pengkaji menggariskan beberapa objektif untuk dicapai, iaitu:

1. Menjelaskan bentuk virus dari pandangan ahli sains.
2. Menerangkan takrif virus dari kaca mata al-Quran.
3. Mengkaji kejadian fenomena virus dari perspektif al-Quran.
4. Mengkaji pelan tindakan pengurusan wabak virus menurut pandangan Islam dan sains moden

SOROTAN LITERATUR

Fenomena penularan virus adalah antara bencana yang dapat mendatangkan pelbagai kerosakan dan kemusnahan serta mengundang kepada korban jiwa. Kejadian serangan virus ini telah berlaku sejak beribu-ribu tahun yang lalu. Dalam sejarah, antara kejadian serangan virus terawal yang pernah dicatatkan ialah penularan virus wabak Antonine di Room pada 165-180. Sejarah menyatakan antara sebab tersebarnya virus ketika itu kerana cacar air dan bukan hanya di Room malah turut melanda China kerana kedatangan utusan Room untuk hubungan diplomatik dan ekonomi. Sementara itu, antara serangan virus yang paling dahsyat direkodkan berlaku di Itali antara tahun 1629-1631 akibat kemasukan tentera Jerman dan Perancis yang menyebabkan angkatan tentera negara Itali terpaksa melarikan diri ke Milan. Islam bersandarkan pada kitab al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada rasul pilihanNya iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran Islam bertunjangan kepada dua sumber rujukan utama iaitu al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Di dalamnya terdapat pelbagai panduan dan petunjuk yang meliputi segala aspek kehidupan manusia serta ia sesuai dijadikan panduan sepanjang zaman. Dalam al-Quran dan Hadith juga terdapat perihal penularan virus dalam bentuk kisah, panduan dan pengajaran kepada manusia.

Walaupun terdapat kajian serta penyelidikan berhubung penularan wabak dan virus, namun kebanyakannya lebih banyak tertumpu kepada kajian sains moden dan kurang memberi perhatian kepada kajian wabak dan virus berdasarkan al-Quran serta diperkukuhkan dengan Hadith Nabi s.a.w. Ia terbukti dengan terdapat pelbagai jurnal yang menyentuh pandemik atau wabak penyakit bukan perkara baharu dalam tamadun manusia. Sejak 165 Masihi, lima juta nyawa manusia terkorban akibat Antonine Plague. Penyakit ini merebak di Mesir, Greek dan Itali yang dikatakan dibawa melalui darat oleh tentera Rom selepas berperang dengan Kerajaan Mesopotamia. Antara 1346-1353 pula, pandemik *The Black Death* menyerang benua Eropah, Afrika dan Asia. Penyakit hawar ini berpunca daripada tikus dan kuman yang diangkut menerusi kapal dagangan menerusi laluan laut. Sekurang-kurangnya 75 juta nyawa manusia terkorban.

Pada zaman moden, dengan populasi manusia semakin bertambah, selain kemudahan pengangkutan udara dan laut merentas benua, pandemik bukanlah perkara pelik. Pandemik influenza yang melanda dunia antara 1918 hingga 1920, mengorbankan hampir 50 juta nyawa dalam tempoh singkat.

Sekarang, tamadun manusia diuji lagi dengan pandemik COVID-19. Dalam masa pantas, ribuan manusia daripada seluruh pelosok dunia dijangkiti. Pada permulaan penyebaran virus baharu ini, ia hanya tertumpu di China. Namun, kini penularannya sukar dibendung daripada merentasi sempadan pelbagai negara.

Terdapat naratif berdalilkan hujah agama yang kurang cermat dalam menyantuni penyebaran COVID-19 ini. Pada awalnya, dihujahkan sebagai kafarah atau pembalasan terhadap kezaliman China ke atas Muslim Uighur hingga ia kononnya langsung tidak melanda umat Islam di negara berkenaan.

Begitu juga banyak hadis menerangkan tindak balas sebenar umat Islam dalam berhadapan dengan ujian seperti COVID-19. Ini tentunya bukan semata-mata yakin dan reda dengan ketentuan Allah SWT semata-mata, sebaliknya perlu berikhtiar dengan mengambil langkah sewajarnya termasuk tidak keluar daripada daerah kediamannya.

Di negara ini, kerajaan menetapkan Perintah Kawalan Pergerakan sebagai ikhtiar untuk membendung penularan COVID-19 yang meningkat akibat kecuaian sebahagian masyarakat. Tindakan ini terbukti berjaya mengurangkan secara drastik penyebaran virus berbahaya ini seperti di wilayah Wuhan, China.

Tindakan sama pernah direkodkan dalam sejarah Islam. Menurut catatan sejarawan terkemuka, Ibn al-Athir, pada 1048, pandemik penyakit pernah melanda Makkah, Iraq, Palestin dan Sham. Imam al-Zahabi dalam kitab *Siyar A'lam al-Nubala'* meriwayatkan sekitar 1055, peristiwa itu menyebabkan masjid ditutup dan langsung tidak didirikan solat.

Dalam berhadapan dengan COVID-19 ini, majoriti penduduk dunia tiada langsung pengalaman untuk melaluinya. Lantas, tidak hairanlah mengapa masih berlaku tindakan yang dilihat sebagai mementingkan diri sendiri, terutama tidak mempedulikan Perintah Kawalan

METODOLOGI

Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Fokus

Kaedah pengumpulan data yang dilakukan secara lisan, dan jawapannya direkodkan oleh pengkaji secara bertulis, rakaman audio, video dan lain-lain media elektronik (Chua, 2006; Creswell, 2012; Najib et al., 2010). Pelaksanaan secara semi struktur akan digunakan dalam kaedah temu bual untuk pengkaji boleh menyoal soalan-soalan formal yang dibina sebelum temu bual serta persoalan dapat ditanya dengan lebih mendalam dengan menyoal kembali responden berkaitan dengan jawapan yang diberikan terhadap sesuatu soalan formal yang telah ditanya (Chua, 2006; Najib et al., 2010; Zikmund et al., 2012). Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang lebih tepat terhadap sesuatu persoalan. Jawapan tersebut akan ditranskripkan oleh pengkaji untuk dianalisis (Creswell, 2012; Najib et al., 2010).

Pemerhatian

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian sistematik bagi mengenalpasti tahap aktiviti-aktiviti persediaan menghadapi wabak virus dalam kalangan komuniti di lokasi kajian. Kajian lapangan akan dilaksanakan oleh pengkaji dan memberi tumpuan di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang. Menggunakan kaedah ini pengkaji boleh memerhati serta mengumpulkan maklumat berkaitan sikap dan tingkah laku komuniti kawasan tersebut berperanan bagi mitigasi/pencegahan dan persiapan menghadapi penularan wabak (Chua, 2006; Creswell, 2012; Najib et al., 2010).

Persampelan

Pihak-pihak yang terlibat adalah merupakan unit analisis kajian ini dalam pengurusan bencana penularan wabak serta komuniti di lokasi-lokasi terpilih sekitar Lembah Klang. Persampelan purposif akan digunakan untuk memilih mereka

Analisis Data

Temubual, perbincangan kumpulan fokus, nota lapangan, imej/gambar pemerhatian lapangan atau video akan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8 merupakan data yang akan

diperolehi. Menganalisis secara sistematik data-data yang diperolehi bagi mentafsir pendapat, persepsi dan persetujuan adalah keupayaan perisian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

1. Hasil kajian ini mendapati terdapat pelbagai langkah pengurusan wabak virus yang dapat diaplikasikan sama ada sebelum tular wabak, semasa wabak atau pascatularan wabak yang merangkumi pandangan Islam dan sains moden.
2. Membantu pelbagai lapisan masyarakat khususnya rakyat Malaysia dalam memahami dan mengambil langkah keselamatan sekiranya wabak ini menimpa mereka.
3. Untuk menambah baik dalam rancangan siap siaga serta tindak balas terhadap wabak virus serta pemulihan semula selepas penularan wabak sebagai inisiatif yang wajar diaplikasikan semua pihak dalam kitaran pengurusan risiko penularan wabak.
4. Menyediakan komuniti yang bijak dalam berfikir bagi menghadapi bencana dan risiko penularan wabak melalui mitigasi/pencegahan dengan persiapan mantap.
5. Mengurangkan tekanan risiko penularan wabak terutamanya terhadap nyawa ke tahap yang paling minimum.
6. Meningkatkan daya tahan komuniti bagi menghadapi penularan wabak dan juga pasca wabak

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penulis berpandangan bahawa fenomena penularan virus covid-19 ini terjadi akibat faktor-faktor alam dan juga kesan yang melibatkan aktiviti manusia. Sungguhpun kejadian ini tidak dapat dihalang, namun setiap individu perlu memainkan peranan supaya kegiatan aktiviti seharian tidak menyumbang kepada berlakunya penularan virus. Mereka juga perlu mengintegrasikan antara ilmu yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadith serta yang dipelajari dari ilmu sains bagi memantapkan kefahaman berhubung penularan virus ini. Seterusnya, menjadi tanggungjawab kepada setiap individu bagi menggarap ilmu khususnya berkaitan kaedah pengurusan penularan virus yang paling efisien dalam menghadapi malapetaka ini demi kesejahteraan diri dan juga masyarakat. Justeru, dengan berbekalkan ilmu yang ditimba, dapatlah membantu mereka menyelamatkan diri dan nyawa serta keluarga daripada menjadi korban virus. Di samping itu, diharap dengan berlakunya virus ini disusuli dengan perintah kawalan berkurung oleh pihak berkuasa ini akan sentiasa menjadikan umat Islam sentiasa sedar dan insaf tentang betapa kerdilnya mereka di bumi Allah ini. Semoga tingkatan iman di hati seluruh umat Islam semakin bertambah demi menjadikan mereka muslim yang berilmu, beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Akhirnya penulis memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT atas keizinannya melakukan kajian yang tidak seberapa ini. Semoga usaha yang telah dilakukan ini akan diterima dan dikira sebagai amal ibadah di sisi Allah SWT.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini bakal dibiayai oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek 2019-2020 bertajuk “Pengurusan Bencana Covid-19 Menurut Perspektif Al-Quran Dan Sains Moden”

RUJUKAN

- Abdul Munir, I. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Adhami, Z. (2010). *Los Angeles Mosque: Institutionalize Charity and Service*. Institute for Social Policy and Understanding Report.
- Allen-Meares, P. (1985). Content Analysis: It does have a place in social work research. *Journal of Social Service Research*, 7(4): 51-68.
- Al-Mabarakfuri, Safi al-Rahman. (1994). *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam.
- Aminuddin, R. (2008). Falsafah dan Fungsi Masjid dalam Islam. Dalam M. Mohd Ismail & A.J. Kamarul (Peny). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*: 21-28. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Asif, N., Utaberta, N. & Mydin, M.A.O. (2016). Evaluating the potential of mosque institution in contributing to the Disaster Risk Reduction (DDR) system. *Research Journal of Fisheries and HydroBiology*, 11(3): 153-157.
- Asmak, A. (2008). Peranan Masjid dalam Masyarakat Islam Hadhari. Dalam M. Mohd Ismail & A.J. Kamarul (Peny). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*: 29-46. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Binyamin, A., Bakhtiar, B., Mustafa, A. & Abdul Rahman, D. (2011). Taking community-based system to Malaysian communities for disaster management. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(7): 171-177.
- Cheema, A. R. (2012). Exploring the role of mosque in dealing with disasters: A case study of the 2005 earthquake in Pakistan. Tesis PhD. New Zealand: Massey University.
- Cheema, A. R, Scheyvens, R, Glavovic, B & Imran, M. (2014). Unnoticed but important: revealing the hidden contribution of community-based religious institution of the mosque in disasters. *Natural Hazards*, 71: 2207–2229
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Col, J-M. (2007). Managing Disaster: The Role of Local Government. *Public Administration Review*. Special Issue: 114-124
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research: Planning, conduct, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston: Pearson.
- Gibson, M. (2006). *Order from chaos: Responding to traumatic event*. Bristol: The Policy Press.
- Hashim, F.Y. (2008). Masjid dan Fungsi Komunikasi. Dalam M. Mohd Ismail & A.J. Kamarul (Peny). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*: 47-60. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Humaedi, M.A. & Sakhiyya, Z. (2011). *Studi Awal Potensi Peran Masjid dalam Situasi Bencana di Indonesia*. Jakarta: Islamic Relief Indonesia (IRI).
- Humaedi, M.A. (2015). Penanganan Bencana Berbasis Perspektif Hubungan Antar Agama dan Kearifan Lokal. *Analisa Journal of Social Science and Religion*, 22(2): 211-225.
- Ibn Hisham. (1995). *Sirah al-Nabawiyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz, al-Imam. (2002). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1- 10.
- IRI-UNOCHA-LPBINU (2011). *Preliminary Study on the Potential Role of the Mosque in Disaster Situation in Indonesia: Six Mosques in Two Provinces*. Jakarta: IRI-UNOCHA-LPBINU.
- Jick, T.D. (1983). Mixing qualitative and quantitative methods: Triangulation in action. In J.Van Maanen (Ed.), *Qualitative methodology*: 135-148. London: Sage Publications.

- Johana, J. & Najib, A.M. (2018). Kesan psikologi mangsa bencana. Dalam M. Che Su, A.M. Najib, K. Mohamad Sukeri, S. Sapora & S. Mohd Fo'ad (Peny). Aspek kemanusiaan dalam pengurusan bencana: 71-85. Sintok: UUM Press.
- Mahazan, A.M., Azman, A.B., Wan Mohd Fazrul, W.R., Muhammad, H., Nisar, M.A., Mohamad Zaharuddin, Z. & Abdullah, A.G. (2016). Masjid dan pembangunan komuniti bandar dan luar bandar. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Mando, A.M., Peek, L., Brown, L.M., & King-Kallimanis, B.L. (2011). Hurricane Preparedness and Sheltering Preferences of Muslims Living in Florida. *Journal of Emergency Management*, 9(1): 51-64.
- Marlow, C. (1993). *Research methods*. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
- Maykut, P., & Morehouse, R. (1994). *Beginning qualitative research: A philosophic and practical guide*. London: The Falmer Press.
- Miles, M., & Huberman, M. (1984). *Qualitative data analysis: A source book of new methods*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Murphy, L. (1995). A qualitative approach to researching management competencies. *Executive Development*, 8(6): 32-34.
- Najib, A.M., Che Su, M. & Iran, H. (2010). *Penyelidikan sains sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Othman, L. (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Pinkowski, J. (2001). The Potential for Disaster: A Case Study of the Powell-Duffryn Chemical Fire and Hazardous Materials Spill. In Farazmand Ali (Ed.) *Handbook of Crisis and Emergency Management*: 433-449. New York: Marcel ZDekker.
- Schaffir, W.B., & Stebbins, R. (1991). *Experiencing fieldwork*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Soliman, H.H., & Rogge, M.E. (2002). Ethical Considerations in Disaster Services: A Social Work Perspective. *Electronic Journal of Social Work*, 1(1): 1-21.
- Tierney, K.J., Lindell, M.K., & Perry, R.W. (2011). *Facing the unexpected: Disaster preparedness and response in the United States*. Washington, DC; Joseph Henry Press.
- Tucker, M.L., Powell, K.S., & Meyer, G.D. (1995). Qualitative research in business communication: A review and analysis. *Journal of Business Communication*, 34(4): 383-399.
- Uddin, U. & Rehman, B. (2014). Role of Masjid in Society: Issues and Challenges. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Utaberta, N. & Md Esa, I. R. (2016). The role of the masjid in disaster management: Qualitative data specifically by informants based on their experiences. *Research Journal of Fisheries and HydroBiology*, 11(3): 158-164.
- Winy, H.Z., & Rika, H.A. (2015). Model Kebijakan Penetapan Institusi Masjid sebagai Shelter dalam Sistem Logistik Bencana di Kota Padang. *Jurnal Optimasi Sistem Industri*, 14(1): 16-32.
- Zickmund, W.G., Babin, B.J., Carr, J.C., & Griffin, M. (2012). *Business research methods*. 9th ed., Canada: Souths-Western, Cengage Learning.